

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 6 JANUARI 2020

MUKA SURAT: 8

KKM tak benar sedia ruang khas merokok di premis makanan

BATU GAJAH - Pengusaha premis makanan tidak dibenarkan menyediakan ruang khas merokok di kawasan perniagaan mereka.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye berkata, larangan itu termasuklah dalam lingkungan tiga meter dari kawasan premis.

"Mana-mana kedai tidak boleh sediakan ruang untuk merokok di kawasan restoran, tidak boleh ada yang merokok di situ termasuklah dalam lingkungan tiga meter.

"Jika ada yang sediakan di luar kawasan restoran, itu bukan lagi bidang kuasa kita, itu bawah kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT), tetapi dalam hal ini pengusaha perlu patuhi lesen operasi restoran yang dikeluarkan PBT," katanya pada program Kempen Kesihatan Derma Darah anjuran Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Batu Gajah di sini semalam.

Menurutnya, setakat ini perbincangan yang diadakan bersama PBT dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hanya untuk mempertimbangkan penyediaan tempat buang putung rokok di kawasan awam.

Dalam perkembangan lain, Boon Chye berkata, kesedaran masyarakat yang kurang terhadap pentingnya pemeriksaan awal bagi mencegah kanser antara punca berlakunya peningkatan kes baharu di negara ini.

Jumaat lalu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan terdapat peningkatan bilangan kes baharu kanser dikesan dalam tempoh lima tahun bermula 2012 hingga 2016 iaitu 115,238 kes berbanding 103,507 kes bagi tempoh 2007 hingga 2011.



Boon Chye (dua dari kanan) bersama Ahli Parlimen Batu Gajah, V Sivakumar ketika meninjau ruang derma darah di Batu Gajah semalam.